



## **KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN.BHD.**

### **DASAR PERLINDUNGAN HUTAN KPKKT**

Kumpulan pengurusan kayu kayan trengganu sdn. Bhd. (KPKKT) diberi tanggungjawab oleh kerajaan negeri terengganu untuk mengurus hutan jangka panjang di Dungun Timber Complex (DTC) secara lestari merangkumi keluasan 106, 697 hektar.

KPKKT bertanggungjawab untuk mengawal dan memelihara dari sebarang aktiviti pencerobohan tanah dan hutan atau aktiviti yang tidak sah bagi memastikan kelestarian hutan terus terpelihara.

KPKKT komited mengamalkan kaedah tebangan secara memilih (SMS) serta menjalankan aktiviti pengusahaan hutan secara RIL sebagaimana peraturan pensijilan MC&I dan FSC disamping mematuhi ISO yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (MS ISO 9001/2008).

KPKKT akan melaksanakan pemantauan dan kawalan secara tetap ke atas kawasan operasi supaya tidak dicerobohi dan setiap aktiviti dijalankan mengikut kehendak peraturan perhutanan dan alam sekitar.

Dari masa ke semasa, KPKKT akan berhubung dan bekerjasama dengan Pejabat Hutan Daerah serta agensi-agensi berkaitan dalam usaha untuk sama-sama menjaga kawasan hutan dan menyalurkan maklumat sekiranya kawasan hutan dicerobohi.

KPKKT akan memberi latihan kepada kontraktor dan kakitangan mengenai peraturan dan undang-undang perhutanan.

Adalah menjadi harapan kami semua supaya syarikat ini terus menjadi badan yang terunggul serta menjaga nama baik syarikat dalam menguruskan hutan secara berkekalan dari sebarang pencerobohan dan ancaman dari pihak yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Pengurus Besar  
Tarikh: 12/12/2022



**KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN.BHD.**  
**POLISI DAN DASAR**